

Kertas Bil. 28/2019



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR BERHUBUNG ISU PERUNTUKAN
SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA MALAYSIA
(MARRIS)**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PERUNTUKAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68B Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga (Bajet 2020), Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2019 pada 1 November 2019, 4 - 8 November 2019 & 11 – 14 November 2019.

Ahli-ahli Jawatankuasa JP-PBT bagi tahun 2019 terdiri daripada:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (ADN Kawasan Sementa) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (ADN Kawasan Seri Kembangan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi (ADN Kawasan Semenyih) | Ahli |
| 7. | Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Ahli |

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JP-PBT telah mengadakan satu pendengaran tertutup pada 27 Ogos 2019 dengan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset Perbendaharaan Negeri Selangor, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya berkenaan kaedah pengurusan peruntukan Sistem Maklumat dan Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS).
- 2.2. Tujuan pendengaran tertutup adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai proses dan kaedah pengurusan peruntukan MARRIS daripada agensi dan jabatan yang berkaitan.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

- 3.1 Artikel 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan memberi punca kuasa kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan pemberian kepada Kerajaan Negeri untuk menyenggara jalan:-

“109. (1) Persekutuan hendaklah membuat kepada setiap Negeri berkenaan dengan setiap tahun kewangan—

(a) pemberian, yang dikenali sebagai pemberian ikut kepala, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian I Jadual Kesepuluh;

(b) pemberian bagi penyenggaraan jalan Negeri, yang dikenali sebagai pemberian jalan Negeri, yang hendaklah dihitung mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh.”

3.2 Bahagian II, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa:-

“(b) penyenggaraan jalan-jalan Negeri ertinya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pemetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya.”

3.3 Mengikut perenggan 11 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, terdapat 4+1 kategori penyenggaraan:-

- (a) Penyenggaraan rutin (berjadual);
- (b) Penyenggaraan berkala;
- (c) Penyenggaraan kecemasan;
- (d) Penyenggaraan pencegahan;
- (e) Had sempadan penyenggaraan cerun.

3.4 Berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara 1989 (Pindaan 2012). Perincian adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 9 Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri dan ringkasan dalam bentuk jadual adalah seperti di Lampiran 7 Garis Panduan yang sama.

3.5 Jangkaan jumlah terimaan peruntukan MARRIS pada tahun 2019 berdasarkan rekod Panjang Jalan di Sistem MARRIS *Online* sehingga 31 Oktober 2018 adalah seperti berikut:-


| KATEGORI JALAN | PANJANG JALAN* (KM) | JUMLAH TERIMAAN YANG DIJANGKA** (RM) |
|---|---------------------|--------------------------------------|
| Jalan Raya Negeri (JRN) | 4, 635.87 | 143,711,970.00 |
| Jalan Raya Bandaran (JRB) | 7,845.63 | 243,214,530.00 |
| Perbatuan Lorong Belakang (PLB) | 1,021.31 | 14,298,340.00 |
| Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah (JPKR) | 3,200.93 | 44,813,020.00 |
| Jalan Kampung (JKPG) | 3,645.99 | 51,043,860.00 |
| Jalan Pertanian (JPTN) | 1,392.65 | 19,497,100.00 |
| JUMLAH | 21,742.38 | 516,578,820.00 |

* Data dari Bahagian Pengurusan Hasil, Perbendaharaan Negeri Selangor

** Tertakluk kepada kiraan akhir oleh Kementerian Kewangan (MOF).

- 3.6 Kadar pengiraan peruntukkan MARRIS adalah seperti berikut:-
- (a) Jalan Raya Negeri / Jalan Bandaran : RM 31,000.00 setiap kilometer;
 - (b) Jalan Perumahan Kos Rendah/Jalan Kampung /Jalan Pertanian /Perbatuan Lorong Belakang : RM14,000.00 setiap kilometer.
- 3.7 Asas pengiraan peruntukkan MARRIS adalah seperti berikut:-
- (a) Agensi mendaftarkan jalan negeri di dalam Sistem MARRIS Online;
 - (b) Perakuan Pertama adalah pada 31 Oktober, manakala perakuan kedua adalah pada 31 Disember.
- 3.8 Penentuan siling peruntukkan agensi pelaksana adalah seperti berikut:-
- (a) Keupayaan agensi;
 - (b) Prestasi agensi;
 - (c) Obligasi sedia ada;
 - (d) Peruntukkan kawasan Dewan Undangan Negeri ("**DUN**") sebanyak RM3juta;
 - (e) Kos pembaikan;
 - (f) Permohonan agensi; dan
 - (g) 10% peruntukkan.

3.9 Prestasi perbelanjaan MARRIS 2019 dan penetapan siling MARRIS tahun 2019 bagi setiap agensi pelaksana adalah seperti berikut:-



3.10 Asas pertimbangan pengagihan MARRIS 2019 adalah seperti berikut:-

| Agensi Pelaksana | Kelayakan (RM) | Siling 2019 | Asas Pertimbangan |
|---|------------------|----------------|--|
| Jabatan Kerja Raya Selangor | 143, 711, 970.00 | 196,000,000.00 | Obligasi Kontrak Jangka Masa Panjang (lima tahun) |
| Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor | 19,497,100.00 | 4,000,000.00 | Kos pembaikan Jalan Pertanian tidak mahal |
| Pejabat Daerah/Tanah Selangor* | 47,362,406.00 | 30,000,000.00 | Keupayaan dan kapasiti untuk perolehan tender |
| Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor** | 299,997,676.00 | 250,000,000.00 | Berdasarkan formula prestasi dan peruntukkan RM3juga setiap DUN*** |

* Pengagihan mengikut prestasi perbelanjaan tahun 2018 dan pengagihan mengikut daerah adalah berdasarkan ratio kelayakan mengikut panjang jalan.

** Pengagihan bagi setiap PBT adalah mengikut pembahagian berdasarkan kelayakan panjang jalan (menggunakan formula tertentu) dan jumlah siling mengikut DUN bagi setiap PBT.

*** Pengagihan bagi setiap DUN disalurkan melalui PBT yang berkenaan. Bagi DUN yang mempunyai kawasan DUN yang bertindih di antara PBT, pengagihan hendaklah dipastikan tidak melebihi amaun yang telah ditetapkan bagi setiap DUN.

3.11 Ilustrasi pengiraan pengagihan peruntukkan bagi PDT Negeri Selangor dan formula pengiraan pengagihan peruntukkan bagi PBT Negeri Selangor dilampirkan kepada penyata ini sebagai **Lampiran A** dan **Lampiran B** masing-masing.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 Peruntukkan DUN sebanyak RM3 juta tidak efisien dan strategik. Terdapat DUN di mana tiada jalan yang diturap tetapi jumlah RM3 juta masih diperuntukkan dan wajib digunakan di DUN tersebut. Sebaliknya, DUN-DUN yang mempunyai jalan yang banyak sering menghadapi masalah yang mana peruntukkan RM3 juta tidak mencukupi.
- 4.2 Pada masa ini tidak terdapat maklumat panjang/keluasan jalan mengikut DUN menyebabkan agihan dilakukan secara sama rata tanpa mengikut keperluan sebenar di DUN.
- 4.3 Agihan mengikut panjang jalan tidak adil - memandangkan terdapat pelbagai jenis kelebaran jalan. Sehubungan itu pengiraan sewajarnya dibuat mengikut keluasan jalan (panjang dan lebar jalan).
- 4.4 Pencerapan jalan tidak cukup menyeluruh. Masih terdapat jalan-jalan yang tidak bertuan dan tercicir daripada penyelenggaraan.
- 4.5 Terdapat jalan yang mana kadar penggunaannya adalah rendah tetapi tetap diturap hampir setiap tahun. Hal ini mungkin kerana kerja turapan jalan tersebut lebih senang kerana trafik yang kurang.
- 4.6 Pengurangan harga bidaan oleh kontraktor yang sangat ketara sehingga 30% berbanding dengan harga jabatan walaupun membawa kepada penjimatan tetapi berkemungkinan menyebabkan penjejasan kualiti kerja.
- 4.7 Proses pemantauan kerja dan pengesahan kualiti kerja tidak cukup menyeluruh. Terdapat jalan di mana lopak jalan timbul semula tidak lama selepas penurapan.
- 4.8 Terdapat agensi yang tidak mengambil kira cuaca semasa merancang kerja turapan jalan di mana kerja turapan dilakukan semasa hujan.

- 4.9 Didapati agensi-agensi kurang memberi perhatian kepada penyelidikan berkenaan kaedah, teknologi, bahan dan cara kerja terkini bagi penurapan jalan.
- 4.10 Didapati terdapat agensi-agensi yang tidak merancang kerja yang melibatkan peruntukkan MARRIS dari tahun sebelumnya. Oleh itu merekodkan prestasi yang kurang memuaskan kerana tidak dapat menyerahkan dokumentasi kepada Perbendaharaan Negeri Selangor sebelum tarikh tamat.

5. SARANAN

1. Jawatankuasa mencadangkan supaya pangkalan data (*database*) jalan MARRIS yang pada masa ini berdasarkan panjang jalan dipinda kepada keluasan jalan (meter persegi). Ini adalah kerana terdapat pelbagai jenis kelebaran jalan yang tidak diambil kira jika sistemnya berdasarkan panjang jalan semata-mata. Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) dengan kerjasama semua agensi kerajaan negeri berkaitan perlu mengemukakan cadangan kiraan formula baru kepada Kementerian Kewangan Malaysia.
2. Jawatankuasa juga mencadangkan supaya *database* jalan MARRIS ditambah baik dengan mengkategorikan jalan-jalan kepada jenis penggunaan tinggi, penggunaan sederhana dan penggunaan rendah mengikut pengiraan trafik. Ini adalah untuk mengenal pasti jalan yang mana yang perlu penyelenggaraan yang lebih kerap.
3. Jawatankuasa mencadangkan supaya peruntukkan MARRIS sebanyak RM3 juta untuk setiap kawasan DUN diagihkan semula mengikut jumlah keluasan jalan yang tidak berkeadaan baik dan memerlukan penurapan.

Keutamaan diberikan mengikut kadar penggunaan jalan yang tinggi, jalan penggunaan sederhana dan jalan penggunaan rendah. Sementara menunggu *database* jalan dikemas kini kepada keluasan jalan, peruntukkan tersebut boleh diagihkan semula mengikut formula sedia ada iaitu panjang jalan.

4. Jika terdapat baki peruntukan yang belum dihabiskan oleh mana-mana agensi pada hujung tahun, peruntukkan MARRIS wajar disalurkan kepada agensi lain yang memerlukan peruntukan tambahan bagi kerja-kerja pembaikan jalan di bawah agensi masing-masing.
5. Setiap agensi yang menggunakan peruntukan MARRIS untuk menurap jalan perlu mengemaskini inventori jalan yang sudah diturap untuk mengelakkan turapan berulang.
6. PBT perlu mengemukakan maklumat dan statistik turapan jalan bagi tempoh 10 tahun ke belakang kepada ADN bagi membolehkan ADN menyemak dan mengenalpasti jalan-jalan yang perlu diturap.
7. Setiap PBT perlu membuat cerapan jalan melalui Mesyuarat Infrastruktur apabila timbulnya masalah jalan yang tidak bertuan. Ini adalah untuk memastikan tiada jalan yang tercicir daripada penyelenggaraan. Sebagai langkah pertama, setiap PBT perlu mengenal pasti semua jalan yang tidak bertuan dengan segera untuk diuruskan melalui Mesyuarat Infrastruktur.
8. Penentuan harga cut-off perlu dikaji semula bagi memastikan kualiti penurapan jalan adalah baik dan mengelakkan penurapan berkali-kali untuk jalan yang sama.
9. Agensi perlu memastikan penurapan jalan oleh kontraktor dipantau dengan rapi oleh jurutera lapangan atau *site engineer*.


10. Agensi perlu menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor yang tidak melaksanakan spesifikasi kerja yang ditetapkan.
11. Setiap agensi perlu memperketat prosedur untuk memastikan semua orang berkepentingan merekodkan kehadiran sebelum kerja penurapan jalan bagi memantau kerja penurapan tersebut. Proses ini juga diperlukan semasa audit turapan. Orang berkepentingan termasuk, jurutera lapangan (*site engineer*), orang teknikal daripada agensi yang menawarkan tender kerja, kontraktor, ahli majlis atau wakilnya, dan wakil penduduk yang berpengetahuan teknikal.
12. Setiap agensi perlu membuat rancangan kerja dengan kontraktor terlibat dengan mengambil kira cuaca. Pegawai pemantau perlu memastikan kontraktor tidak menjalankan kerja ketika hujan.
13. Setiap agensi perlu memastikan supaya semua kerja yang melibatkan peruntukan MARRIS, dari ulasan ADUN kepada tender dan pelaksanaan kerja tersebut perlu dirancang dari tahun sebelumnya dan tidak dilewatkan sehingga tahun pelaksanaan.
14. Setiap agensi wajar mengkaji dan mengguna pakai kaedah, teknologi, bahan dan cara kerja terkini bagi membaiki jalan termasuk penurapan jalan selekoh, simpang empat, lampu isyarat dan lain-lain. Walaupun ianya mungkin memerlukan perbelanjaan tambahan, tetapi hasilnya adalah lebih baik dan menjimatkan untuk tempoh masa yang panjang.
15. Keperluan membaiki perabot jalan seperti cat pemisah jalan, cat bonggol dan sebagainya perlu dimasukkan dalam spesifikasi kerja dan dipastikan dibuat sejurus sahaja kerja penurapan jalan selesai.

16. Agensi berkaitan juga perlu membuat penyelarasan dengan syarikat-syarikat utiliti bagi mengelakkan jalan yang baru diturap digali semula bagi kerja utiliti. Perlu perancangan bersama.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PBT dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada 1 Oktober 2019.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan
(JP-PBT)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

| | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (ADN Kawasan Sementa) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (ADN Kawasan Seri Kembangan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (ADN Kawasan Subang Jaya) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Zakaria bin Hanafi (ADN Kawasan Semenyih) | Ahli |
| 7. | Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (ADN Kawasan Pelabuhan Klang) | Ahli |

URUS SETIA

| | | |
|------|--------------------------------------|------------------------------------|
| i) | Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| ii) | Encik Muhajirih bin Ahmad | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| iii) | Puan Siti Salina binti Muftar | Setiausaha Pejabat (Dewan) |
| iv) | Encik Abdul Muiz bin Azmi | Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker |
| v) | Encik Ahmad Salami bin Zakuan | Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker |

LAMPIRAN A

Badan Perhubungan dan Pengangkutan Antar
Parlimen Negeri Selangor



**ILUSTRASI PENGIRAAN BAGI
PEJABAT DAERAH/TANAH GOMBAK**

**ILUSTRASI PENGIRAAN
PENGAGIHAN
PERUNTUKAN BAGI
PDT NEGERI SELANGOR**

- a. Siling PDT Selangor Tahun 2019 RM 30,000,000.00
- b. Jumlah Kelayakan Sebenar Semua PDT Negeri Selangor Mengikut Panjang Jalan RM 47,362,406.00
- c. Kelayakan Sebenar Mengikut Panjang Jalan PDT Gombak (345.19 km x RM 14,000.00) RM 4,832,590.00
- d. Pekali (ratio) [c ÷ b] 0.10
- e. Kelayakan (siling 2019) [d x a] RM 3,061,029.04

- Siling MARRIS bagi Pejabat Daerah dan Tanah Gombak Tahun 2019 ditetapkan pada RM3.06 juta.
- Permohonan peruntukan daripada agensi juga diambil kira dalam membuat pertimbangan pengagihan siling peruntukan.

KELAYAKAN SEBENAR SEMUA PDT NEGERI SELANGOR
MENGIKUT PANJANG JALAN

| BIL | PDT | Panjang Jalan (KM) | Kelayakan (RM) |
|---------------------------|----------------|--------------------|----------------------|
| 1 | Petaling | 164.22 | 2,299,066.00 |
| 2 | Klang | 535.21 | 7,492,954.00 |
| 3 | Hulu Langat | 339.46 | 4,752,454.00 |
| 4 | Gombak | 345.19 | 4,832,590.00 |
| 5 | Sebang | 210.33 | 2,944,578.00 |
| 6 | Kuala Langat | 221.03 | 3,094,420.00 |
| 7 | Hulu Selangor | 134.43 | 1,881,964.00 |
| 8 | Kuala Selangor | 571.81 | 8,005,354.00 |
| 9 | Sabak Bernam | 861.36 | 12,059,026.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 3,383.03 | 47,362,406.00 |

Data sehingga 31 Oktober 2018

FORMULA PENGIRAAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN BAGI PBT NEGERI SELANGOR

Jumlah hasil darab Kelayakan Asal 2019 dengan Prestasi 2018

(+) Bonus Prestasi (Jika Layak)

(-) Peruntukan Mengikut Kawasan Dewan Negeri

Nilai Siling Pemberian Peruntukan MARRIS bagi sebuah PBT

Nota: Penjelasan lanjut formula diterangkan di dalam Jadual berikut.

LAMPIRAN B

Behagian Perolehan dan Pengiraan Asal
Perantaraan Negeri Selangor



**JADUAL : KAEDAH AGIHAN PERUNTUKAN MENGIKUT
PANJANG JALAN (PBT)**

| Perkara | Penjelasan |
|---------------------|--|
| Kelayakan Asal 2019 | Pro Rata Kelayakan x Baki Boleh Agih (Siling Panjang Jalan) <u>Pro Rata Kelayakan</u> Kelayakan Peruntukan PBT ikut Panjang Jalan dibahagi dengan Jumlah Kelayakan Semua PBT ikut Panjang Jalan Baki Boleh Agih (<u>Siling Panjang Jalan</u>) Siling Tahun 2019 setelah ditolak dengan Peruntukan JKR+JPS+PDT+PBT (DUN) Prestasi PBT pada 31 Oktober (seperti direkod oleh Perbendaharaan) iaitu:- (i) PBT yang mencapai prestasi 85% (Cemerlang) dan ke atas akan menerima penuh kelayakan tahun semasa di mana pekalinnya adalah 1.00; dan (ii) PBT yang mencapai prestasi di bawah 85% akan menerima kelayakan mengikut prestasi semasa. Walau bagaimanapun, kelayakan PBT itu hendaklah tidak kurang dari jumlah peruntukan mengikut kawasan Dewan Negeri yang ia patut diterima. E.g. PBT A, Prestasi 57%. Pekalinya adalah 0.57 |
| Prestasi 2018 | |
| Bonus Prestasi | Jumlah lebihan peruntukan dari PBT yang tidak mencapai markah prestasi 85% akan diagihkan kepada PBT yang Cemerlang berdasarkan peratusan kelayakan tahun semasa setiap PBT yang terlibat berbanding jumlah kelayakan peruntukan semua PBT yang cemerlang. |

**SILING MARRIS 2019
MENGIKUT PIHAK
BERKUASA TEMPATAN
(PBT)**

Badan Berlesen dan Berlesen Ab
Pembangunan Negeri Sabong



| BIL. | PBT | JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT DUN | | | % | JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT KELAYAKAN PBT | | SILING PERUNTUKAN MARRIS PBT BAGI TAHUN 2019 |
|---------------|--------------------|--------------------------------|----------------|-------|---------------|--|----|--|
| | | BIL DUN | RM | RM | | RM | RM | |
| 1 | MBSA ^B | 7 | 10,200,000.00 | 75.67 | 10,594,150.19 | 20,794,150.19 | | |
| 2 | MBPJ ^B | 7 | 17,400,000.00 | 93.51 | 10,897,696.65 | 28,297,696.65 | | |
| 3 | MPK ^{B,1} | 11 | 25,800,000.00 | 61.87 | 0.00 | 25,800,000.00 | | |
| 4 | MPKj ^{TB} | 5 | 15,000,000.00 | 99.99 | 14,759,739.77 | 29,759,739.77 | | |
| 5 | MPSJ ^B | 6 | 12,600,000.00 | 94.57 | 8,629,877.23 | 21,229,877.23 | | |
| 6 | MPSp ^B | 3 | 6,600,000.00 | 99.56 | 8,426,977.99 | 15,026,977.99 | | |
| 7 | MPAJ ^{TB} | 5 | 15,000,000.00 | 98.86 | 5,892,230.30 | 20,892,230.30 | | |
| 8 | MPS ^B | 7 | 18,000,000.00 | 93.02 | 10,389,692.90 | 28,389,692.90 | | |
| 9 | MDKL ^B | 5 | 11,400,000.00 | 93.64 | 3,531,333.44 | 14,931,333.44 | | |
| 10 | MDKS ^{TB} | 5 | 15,000,000.00 | 90.16 | 5,705,607.04 | 20,705,607.04 | | |
| 11 | MDHS ^{TB} | 3 | 9,000,000.00 | 83.83 | 1,642,167.32 | 10,642,167.32 | | |
| 12 | MDSB ^{TB} | 4 | 12,000,000.00 | 85.38 | 1,530,527.17 | 13,530,527.17 | | |
| JUMLAH | | | 168,000,000.00 | | 82,000,000.00 | 250,000,000.00 | | |

B : Berkongsi Dewan Negeri dengan PBT lain

TB : Tidak berkongsi Dewan Negeri dengan PBT lain.

¹MPK tidak menerima peruntukan Panjang Jalan kerana kelayakan sebenar mengikut asas prestasi adalah lebih rendah daripada kelayakan Mengikut Kawasan Dewan Negeri.



**PENETAPAN SILING TAHUN 2019 BERDASARKAN PANJANG JALAN
MENGIKUT PRESTASI PBT SELANGOR**

**ILUSTRASI PENGIRAAN
PENGAGIHAN
PERUNTUKAN BAGI
PBT NEGERI SELANGOR**

Meiliss Perbandaran
Selayang

Meiliss Perbandaran
Klang

| | | | |
|-----|--|-------------------|-------------------|
| 2a. | Jumlah kelayakan sebenar semua PBT Negeri Selangor Mengikut Panjang Jalan | RM 299,997,676.00 | RM 299,997,676.00 |
| 2b. | Kelayakan mengikut Panjang Jalan | RM 29,436,710.00 | RM 26,218,820.00 |
| 2c. | Pekali (ratio) [2b ÷ 2a] | 0.10 | 0.09 |
| 2d. | Kelayakan tahun 2019 [2c x 1g] | RM 8,046,096.40 | RM 7,166,532.98 |
| 2e. | Peruntukan mengikut kawasan DUN | RM 18,000,000.00 | RM 25,800,000.00 |
| 2f. | Jumlah kelayakan asal PBT + DUN Tahun 2019 [2d + 2e] | RM 26,046,096.40 | RM 32,966,532.98 |
| 2g. | Prestasi perbelanjaan Tahun 2018 (> 85% = 1.00, <85% = ikut prestasi semasa) | 1.00 | 0.62 |
| 2h. | Siling berasaskan prestasi [2g x 2f] | RM 26,046,096.40 | RM 20,439,250.45 |
| 2i. | Jumlah keseluruhan siling berasaskan prestasi bagi semua PBT Selangor yang cemerlang | RM 176,850,854.74 | RM 176,850,854.74 |
| 2j. | Pekali prestasi untuk bonus (ratio) [2h ÷ 2i] | 0.15 | 0.00 |
| 2k. | Baki peruntukan Tahun 2018 boleh agih | RM 15,912,827.75 | RM 15,912,827.75 |
| 2l. | Bonus prestasi yang layak [2k x 2j] | RM 2,343,596.51 | RM 0.00 |
| 2m. | Jumlah siling MARRIS Tahun 2019 (PBT + DUN) [2i + 2h] | RM 28,389,692.90 | RM 20,439,250.45 |
| 2n. | Jumlah siling PBT mengikut panjang jalan [2m - 2e] | RM 10,389,692.91 | -RM 5,360,749.55* |

**PENETAPAN SILING 2019 BAGI
PBT NEGERI SELANGOR**

| | | |
|-----|---|-------------------|
| 1a. | Siling peruntukan MARRIS 2019 | RM 480,000,000.00 |
| 1b. | (-) Siling JKR Negeri Selangor | RM 196,000,000.00 |
| 1c. | (-) Siling JPS Negeri Selangor | RM 4,000,000.00 |
| 1d. | (-) Siling PDT Negeri Selangor | RM 30,000,000.00 |
| 1e. | Siling peruntukan mengikut Panjang Jalan | RM 250,000,000.00 |
| 1f. | (-) Peruntukan mengikut Kawasan DUN | RM 168,000,000.00 |
| 1g. | Baki siling yang boleh agih kepada PBT Selangor | RM 82,000,000.00 |

ILUSTRASI PENGIRAAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN BAGI PBT NEGERI SELANGOR

FORMULA PENGIRAAN KELAYAKAN MENGIKUT
PANJIANG JALAN PBT

Jumlah hasil darab Kelayakan Asal 2019
dengan Prestasi 2018

(+) Bonus Prestasi (Jika Layak)

(-) Peruntukan Mengikut Kawasan Dewan
Negeri

Nilai Siling Pemberian Peruntukan MARRIS
bagi sebuah PBT

Bahagian Perumahan dan Pembangunan Asas
Pembekalan Negeri Selangor



PENGIRAAN SILING TAHUN 2019 BAGI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

| | |
|---|-------------------------|
| Jumlah hasil darab <u>Kelayakan Asal 2019</u> dengan <u>Prestasi 2018</u> | RM 26,046,096.40 |
| (+) <u>Bonus Prestasi (Jika Layak)</u> | RM 2,343,596.51 |
| (-) Peruntukan Mengikut Kawasan Dewan Negeri | RM 18,000,000.00 |
| Nilai Siling Pemberian Peruntukan MARRIS bagi MPS | RM 10,389,692.91 |

PENGIRAAN SILING TAHUN 2019 BAGI MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

| | |
|---|--------------------------|
| Jumlah hasil darab <u>Kelayakan Asal 2019</u> dengan <u>Prestasi 2018</u> | RM 20,439,250.45 |
| (+) <u>Bonus Prestasi (Jika Layak)</u> | RM 0.00 |
| (-) Peruntukan Mengikut Kawasan Dewan Negeri | RM 25,800,000.00 |
| Nilai Siling Pemberian Peruntukan MARRIS bagi MPK | - RM 5,360,749.55 |

Prestasi MPK adalah di bawah 85% maka hanya layak menerima siling mengikut prestasi semasa. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira bonus prestasi yang layak, MPK hanya layak menerima siling bagi pecahan/bahagian mengikut kawasan Dewan Negeri yang patut ia terima sahaja.